



Aishah Ghani

**SRIKANDI KOPERASI
JAYA MURNI**



KOPERASI JAYA MURNI WANITA BERHAD
64, JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ, K. LUMPUR.



Aishah Ghani

**SRIKANDI KOPERASI
JAYA MURNI**

PUSTAKA PERDANA



1011613



Terbitan:

Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad (5049)

Wisma Jayanita No. 64, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur

Tel: 03-26983471 / 03-260203471

Faks: 03-26922720

© Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan dalam Penerbitan

Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad

1. Tokoh 2. Sejarah

Muka Taip Teks: Univers LT Std 45 Light

Saiz Taip Teks: 11.5

ISBN 978-967-16050-0-4

Dicetak oleh:

Pioneer Printing & Trading

No.11, Jln Brunei, Off Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur

Hak Cipta Terpelihara 2018: Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula, mengulang cetak, menyalin seluruh atau mana-mana bahagian daripada artikel di dalam buku ini yang dinyatakan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sekali pun; sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Kandungan

Lembar Satu

| AISHAH GHANI: Tokoh Wanita Melayu Terbilang

6

Lembar Dua

| Wadah Memperkasa Sosio-ekonomi Wanita

20

Lembar Tiga

| Bulat Tekad Kerana Muafakat

40

Lembar Empat

| Jika Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya

68

Lembar Lima

| Pemergian Aishah Meninggalkan Legasi

88

Lembar Enam

| Jasamu Tetap Dikenang

102

Lembar Tujuh

| Mengimbas Sejarah Koperasi Di Malaysia

118

Pendahuluan

Seorang tokoh berjiwa besar, tabah dan tidak gentar mendepani ujian dan cabaran; Almarhumah Tan Sri Datuk Seri (Dr.) Hajah Aishah Ghani adalah seorang srikandi Melayu yang istiqamah dalam perjuangannya. Dengan pengalaman merentas liku-liku kehidupan sepanjang zaman, beliau telah mempersiapkan diri sejak kecil hingga ke penghujung hayatnya demi membela nasib anak bangsa, khususnya kaum hawa bagi mencetus perubahan yang memanfaatkan.

'Aishah Ghani: Srikandi Koperasi Jaya Murni' mencatatkan perjuangan dan peranan beliau memartabatkan sosio-ekonomi wanita Melayu melalui penubuhan Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad (KJMWB). Rangka, prinsip, falsafah dan acuan aktiviti ekonomi dan sosial yang diasas, dipupuk dan dibaja di dalam KJMWB diangkat untuk diwariskan sebagai model membawa perubahan yang diperlukan untuk mempertingkatkan kedudukan wanita Melayu dalam segenap bidang kehidupan.

Walaupun beliau telah pergi meninggalkan kita, namun semangat juang, ketekunan, keberanian dan ketulusan hati beliau bekerja untuk menggerakkan KJMWB tetap disanjung dan diabadikan dalam buku ini sebagai tanda penghormatan dan legasi yang akan diteruskan. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau dan ditempatkan di kalangan orang beriman. Al-Fatihah.

Petikan Pesanan

Dalam satu wawancara antara penulis dengan Tan Sri Aishah, beliau telah menitipkan beberapa pesanan penting. Menurut beliau, bagi merealisasikan apa jua matlamat serta memastikan kelangsungan hidup sesebuah organisasi, setiap individu yang menganggotai organisasi berkenaan perlu berpegang teguh kepada prinsip-prinsip berikut:

- **Tidak Mudah Putus Asa:** "Saya tidak akan mengalah dalam hidup. Apa yang saya hajati akan tetap saya cuba untuk capai".
- **Tangani Cabaran Dengan Bekalan Ilmu Pengetahuan:** "Untuk menghadapi masa depan yang mencabar, kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan".
- **Buat Kerja Dengan Sempurna:** "Jangan jadi minyak habis sambal tak sedap. Duit habis hasilnya tiada".
- **Perjuangan Berkesinambungan:** "Sebenarnya apa yang ada di hadapan kita hari ini memerlukan perjuangan berterusan. Cabaran yang ada di hadapan kita bukanlah kecil sifatnya. Ia bersifat global".
- **Organisasi Perlu Menyediakan Pemimpin Pelapis:** "Kalau kita tahu cari tangga naik, kita juga perlu tahu cari tangga turun. Jawatan yang kita pegang bukanlah untuk selama-lamanya".

Walaupun beliau telah tiada, namun segala teguran, nasihat dan pesanan Tan Sri Aishah masih kekal dalam ingatan kami semua. Ia akan terus menjadi pedoman KJMWB dalam mendepani pelbagai cabaran untuk meneruskan perjalanan kami menuju ke hadapan.

Lembar Satu





AISHAH GHANI
Tokoh Wanita Melayu Terbilang

OBOR PERJUANGANNYA

Bernyala Sejak Muda Hingga Ke Penghujung Usia

Dilahirkan pada 15 Disember 1923 di Hulu Langat Selangor, Tan Sri Datuk Seri (Dr.) Hajah Aishah binti Haji Abdul Ghani dibesarkan dalam sebuah keluarga sederhana dan sangat mementingkan ajaran Islam. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Raya, Cheras sehingga darjah lima.

Selepas menamatkan persekolahan peringkat rendah, Aishah yang berkhidmat sebagai seorang guru sementara telah ditawarkan peluang menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Convent, Kajang. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut ditolak bapa beliau yang berpendapat bahawa orang Islam tidak wajar belajar di sekolah mubaligh kerana khuatir terpesong akidahnya.

Aishah akur dengan keputusan orang tuanya itu, namun keinginannya untuk terus belajar mendorong beliau nekad meminta kebenaran daripada ibu bapanya untuk melanjutkan pelajaran ke Madrasah Ad Diniyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia.



Aishah, berdiri, tiga dari kanan.




Beliau menamatkan pengajian di sekolah tersebut pada tahun 1939. Tidak lama selepas pulang seketika ke tanah air, Aishah menyambung semula pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Maktab Perguruan Tinggi Islam, Padang, Sumatera Barat sehingga tahun 1943.

Beliau kembali ke tanah air pada zaman pemerintahan Jepun, dan menjadi guru. Selepas tamat Perang Dunia Kedua, Aishah memulakan kerjaya sebagai wartawan di akhbar Pelita Malaya – lidah rasmi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ruangan 'Mak Inang', nama pena Aishah, telah mengangkat kredibiliti beliau sebagai seorang penulis yang memperjuangkan nasib orang Melayu; khususnya kaum wanita.



Ketidakserasian dengan kepimpinan PKMM menyebabkan Aishah tidak bertahan lama di Pelita Malaya. Sebagai seorang yang punya keyakinan diri yang tinggi, beliau tidak ragu-ragu untuk meninggalkan akhbar tersebut. Dasar perjuangan PKMM yang mahukan penyatuan Malaya dengan Indonesia di bawah panji-panji Melayu Raya tidak sehaluan dengan jiwa beliau. Aishah berpandangan hasrat tersebut

Aishah sekitar tahun 1954 semasa menyambung pengajian di London.





tidak perlu diteruskan kerana beliau mengetahui keadaan sebenar di Indonesia. Pemerhatian secara langsung semasa belajar di sana memantapkan pertimbangannya. Aishah tidak yakin kesejahteraan rakyat boleh dicapai jika aspirasi Melayu Raya diteruskan. Aishah juga tidak boleh menerima agenda tersembunyi yang diperjuangkan oleh PKMM kerana misi perjuangan mereka jelas dipengaruhi oleh ideologi komunis dan bukan untuk memperjuangkan nasib negara dan bangsa Melayu seperti yang dilaungkan.

Aishah dapat merasakan bahawa penubuhan UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar lebih sesuai dijadikan wadah perjuangan bangsa. Pendekatan UMNO yang lebih sederhana, sentiasa mengutamakan kedudukan bangsa Melayu dan agama Islam di negara ini meyakinkan Aishah untuk menyertai UMNO. Beliau memilih menjadi ahli UMNO Cawangan Kampung Baru, Bahagian Kuala Lumpur pada tahun 1949.

Namun, Aishah berpendapat perjuangan tanpa ilmu tidak membawa kesan yang bermakna bagi rakyat dan negara. Justeru, bagaimana mungkin kita boleh memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah? Bagaimanakah kita hendak mentadbir negara dan mengisi kemerdekaan jika tidak berilmu? Persoalan inilah yang sering mengganggu fikiran Aishah. Itulah sebabnya beliau tidak jemu-jemu untuk mencari ilmu walaupun sudah ada pelajaran, berkeluarga dan berkerjaya.

Aishah Ghani

SRIKANDI KOPERASI JAYA MURNI

Menitipkan jiwa waja serta liku-liku perjuangan Srikandi Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad (KJMWB), Tan Sri Dr Aishah Ghani. Walaupun telah bersara daripada arena politik sepenuh masa, beliau terus menyumbang bakti memartabatkan sosio-ekonomi kaum wanita melalui KJMWB. Keluhuran serta kegigihan beliau merintis penubuhan, membina asas kekuatan dan seterusnya memperkasa kedudukan KJMWB menjadi teladan yang pasti akan diteruskan oleh kumpulan pelapis KJMWB.



Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad
Wisma Jayanita
64, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur

ISBN 978-967-16050-0-4

